



KENYATAAN MEDIA

YB DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
JANUARI 2017

TIDAK PERLU KHUATIR SEMASA MENJALANKAN PERUBATAN DIAGNOSIS SINAR-X

PUTRAJAYA, 22 JANUARI – Pesakit dan pengamal perubatan tidak perlu khuatir semasa menjalankan perubatan diagnosis sinar-X. Ini kerana standard berkenaan perubatan diagnosis sinar-X telah disemak semula selaras dengan perkembangan teknologi khususnya dari aspek keselamatan dan tahap kebolegunaan peralatan radiologi.

Malaysian Standard (MS) 838 Radiation protection for medical diagnostic X-ray - Code of practice (second revision) telah dibangunkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Jabatan Standard Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pembangunan standard ini juga turut melibatkan pakar-pakar dalam bidang radiasi daripada agensi-agensi di bawah MOSTI termasuk Lembaga Perlesenan Atom Negara dan Agensi Nuklear Malaysia.

Standard berkenaan merangkumi kriteria untuk penggunaan sinar-X secara selamat dan tahap kebolegunaan peralatan radiologi. Selain itu, ia merupakan sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan lesen kelas C di bawah aktiviti Pelesenan Tenaga Atom (Akta 304) daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Justeru, dengan pematuhan kepada standard ini, unit perubatan diagnostik di semua hospital akan dapat memberi jaminan keselamatan radiasi kepada pesakit, kakitangan dan orang ramai. Di samping itu, kerjasama semua pihak berkepentingan juga diperlukan untuk memastikan budaya keselamatan yang menyeluruh dalam perubatan diagnosis radiologi dicapai.

**YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau,
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**

-----TAMAT-----



**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Malaysia
Phone: 03-8885 8141, Fax: 03-8890 3092**

**Jabatan Standard Malaysia
No. Telefon: 03-8318 0002 / 016 398 8801
Emel: central@jsm.gov.my/
unitstd@jsm.gov.my**